

29 JAN 2003

NAM-Filem

KL WORLD FESTIVAL 2003 TEKANKAN ISU KEDAMAIAN DAN KEHARMONIAN

KUALA LUMPUR, 29 Jan (Bernama) -- Festival Filem Sedunia Kuala Lumpur yang dianjurkan oleh Malaysia sempena Persidangan Negara-negara Berkecuali ke-13 nanti, akan menekankan isu kedamaian, harmoni, tiada keganasan dan tiada diskriminasi, kata Timbalan Menteri Penerangan Datuk Zainudin Maidin.

Katanya festival filem yang akan berlangsung selama tiga hari bermula 16 Feb akan menunjukkan kepada dunia bahawa Malaysia mampu hidup dalam keadaan aman dan harmoni walaupun dunia sedang bergolak.

"Kita akan tunjukkan pada dunia bahawa Malaysia masih dapat berpesta dalam keadaan dunia bergolak. Pesta itu akan menunjukkan pada dunia ke arah kedamaian dan mesej ke arah itu melalui filem agar negara yang menyertai dapat memahaminya," katanya pada sidang media di pejabatnya di sini hari ini.

Zainudin berkata konsep festival itu berlainan dengan festival biasa yang diadakan di dunia yang lebih menekankan personaliti.

"Konsep utama ialah untuk menghantar mesej kedamaian pada dunia dan filem yang dihantar kepada kita juga perlu berunsurkan ke arah itu," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka melancarkan festival itu di Dataran Merdeka pada 16 Feb manakala penutupan akan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada 18 Feb di Hotel Mandarin Oriental.

Zainudin berkata kerajaan mensasarkan 50 negara untuk menyertainya dan setakat ini 20 buah negara menyatakan persetujuan, antaranya Itali, Perancis, China, Iran, Jepun, Amerika Syarikat dan Thailand.

Katanya juri yang dipilih untuk mengadili filem yang dipertandingkan pada festival itu terdiri daripada wakil pelbagai negara yang bertanding.

Terdapat tiga anugerah perdana bagi tiga filem yang paling menepati tema festival itu dan empat anugerah penghargaan juri yang berdasarkan ketetapan spesifikasi filem iaitu kedamaian, keharmonian, persahabatan dan tiada diskriminasi.

"Tiga anugerah perdana itu juga akan menerima wang tunai yang setimpal dengan festival filem bertaraf dunia, tetapi nilainya belum ditetapkan lagi," kata Zainudin.

Katanya kos penganjuran antara RM2 juta hingga RM3 juta akan meliputi jemputan kepada beberapa tokoh terkenal perfileman dunia dan penganjuran satu seminar.

"Dalam masa yang agak singkat itu boleh dimanfaatkan oleh golongan artis dan penggiat filem untuk berkongsi idea terutama daripada segi teknikal dan mempelajari serta menganalisis tentang filem," katanya.

Zainudin berkata orang ramai berpeluang untuk menonton filem-filem yang dipertandingkan itu secara percuma di pawagam Tanjung Golden Village (TGV) di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Golden Screen Cinema (GSC) di Mid Valley Megamall.

"Kita berharap orang ramai akan mendapat sesuatu melalui filem yang ditayangkan hasil karya rakyat negara-negara yang bertanding untuk sama-sama menghayati dan memahami hasil karya artistik dan kecemerlangan teknikal yang dipaparkan di dalam filem mereka," katanya.

Ditanya sama ada festival itu akan dijadikan acara tahunan, beliau berkata ia merupakan satu projek perintis dan menjadi medan permulaan untuk mengadakan festival yang besar seperti itu.

"Ia merupakan langkah yang mendorong kita mengadakan festival

selanjutnya, mungkin dalam masa tiga atau lima tahun sekali," katanya.

-- BERNAMA

KK AHH MAI